



## KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)

EDITOR, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

### KENYATAAN MEDIA

**KUALA LUMPUR (10 OKTOBER 2021)** - Sempena Hari Menentang Hukuman Mati Sedunia yang diperingati pada 10 Oktober setiap tahun, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) ingin menekankan seruannya agar hukuman mati dimansuhkan sepenuhnya di negara ini, bertepatan dengan kepercayaan terhadap hak asasi seseorang untuk hidup.

SUHAKAM terus menerus memperjuangkan pemansuhan hukuman mati sepenuhnya melalui pelbagai sesi libat urus dan program bersama pihak berkepentingan, seperti persidangan, perbahasan dan pameran, untuk meningkatkan kefahaman dan sokongan orang ramai terhadap isu ini. SUHAKAM menyokong agar moratorium hukuman mati yang telah diperkenalkan sejak 2018 diteruskan dan memberi galakan kepada Kerajaan untuk memulakan proses bagi melaksanakan iltizamnya untuk memansuhkan hukuman mati secara mandatori seperti yang telah diumumkan pada 2019, yang merupakan satu langkah positif ke arah pemansuhan sepenuhnya hukuman mati di Malaysia.

Pada 2020, Kerajaan Malaysia merupakan antara 120 Negara Anggota PBB yang membuat undian dengan menyokong resolusi Perhimpunan Agung PBB (UNGA) mengenai moratorium terhadap pelaksanaan hukuman mati semasa sesi ke-75 UNGA. Adalah penting untuk ditekankan bahawa resolusi tersebut mengesyorkan agar Negara perlu menjamin hak untuk perbicaraan yang adil, dan mengehadkan mengenakan hukuman mati kepada jenayah yang paling berat, sementara pemansuhan hukuman mati belum dilaksanakan.

Kajian yang dibuat oleh Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian terhadap Hukuman Mati Mandatori yang dilantik oleh mendiang Datuk Liew Vui Keong telah lengkap dan laporan tersebut telah dikemukakan kepada Kerajaan terdahulu. Melihat kepada kepentingan dan tindakan segera yang diperlukan terhadap isu ini, SUHAKAM menggesa Kerajaan untuk mengeluarkan laporan dan syor-syor Jawatankuasa Khas tersebut. SUHAKAM berpandangan bahawa syor-syor dan langkah-langkah peralihan untuk banduan akhir perlu didedahkan kepada umum agar ia boleh membenarkan pengubal undang-undang, pembuat dasar dan masyarakat untuk melakukan perkara yang perlu bagi menyegerakan pemansuhan hukuman mati di Malaysia.

Selain itu, SUHAKAM turut menyokong inisiatif Kerajaan pada tahun 2020, untuk menujuhkan Suruhanjaya Pembaharuan Undang-undang bagi mengkaji undang-undang sedia ada termasuk prosedur menjatuhkan hukuman dan sekiranya didapati ianya lapuk atau ketinggalan zaman, untuk mengesyorkan pindaan atau pemansuhan undang-undang tertentu supaya Malaysia dapat selari dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa.

**-TAMAT-**

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**

**10 Oktober 2021**

Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau [shikin@suhakam.org.my](mailto:shikin@suhakam.org.my)

**“Hak Asasi untuk Semua”**

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Suruhanjaya di 03-2612 5600